

200 pelajar baharu B40 UMS terima sumbangan

JB 24.10.2019 2

KOTAKINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperuntukkan RM40,000 daripada tabung kebajikan pelajar untuk disumbangkan kepada 200 pelajar baharu B40.

Pihak universiti berharap dengan adanya bantuan seperti ini dapat membantu para pelajar untuk memulakan kehidupan sebagai pelajar tahun pertama di UMS.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk CHM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, UMS berjaya melaksanakan program ‘Merubah Idea Menjadi Realiti’ atau singkatannya ‘MENITI’, dengan mena-

warkan pengajian kepada 178 pelajar B40 bagi sesi ambilan 2019/2020 yang terdiri daripada golongan sasar di seluruh daerah negeri Sabah.

“Daripada 178 pelajar itu, seramai 149 pelajar baharu program MENITI berjaya mendaftar ke UMS pada sesi pendaftaran bulan September baru-baru ini.

“Sehingga kini, jumlah keseluruhan pelajar B40 di bawah program ini yang aktif berdaftar di UMS adalah seramai 500 pelajar dan dijangka seramai 77 pelajar akan bergraduat sempena Majlis Konvokesyen UMS Ke-21 pada bulan November 2019

nanti,” katanya dalam Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Bantuan Kebajikan Pelajar Baharu B40 Tahun 1 di UMS, semalam.

Dalam pada itu, Taufiq menyatakan kemiskinan keluarga bukannya asalan untuk tidak meneruskan pengajian atau penghalang untuk melangkah ke arah kejayaan.

“Kitaharus merancang jalan hidup kita kerana kalau kita gagal merancang, bermakna kita merancang untuk menemui kegagalan,” katanya.

Pada majlis itu, selaku penasihat Yayasan Nur Jauhar, Toh Puan Norlidah R.M.

Jasni turut memberikan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada tabung kebajikan pelajar UMS.

Turut hadir, Ahli Pengurus Lembaga Penggarah UMS merangkap pengurus jawatankuasa kebajikan pelajar Datin Nur Laila Said dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Madya TS Dr. Ramzah Dambul.

— PENERANGAN

BERSALAMAN: Norlidah (dua kiri) diiringi Taufiq (kiri) bersalaman dengan pelajar UMS.



JABATAN PENERANGAN
MAJLIS PERMUSIKAN SABAH